

Bil. S 7

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(BIDANG KUASA TERUS), 2006**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Lantikan pegawai memerintah dan pemerintah rendah.
4. Takrifan am pegawai memerintah.
5. Pegawai memerintah unit atau detasmen yang diletakkan di bawah perintah pegawai memerintah lain.
6. Perwakilan kuasa oleh pegawai memerintah.
7. Taraf pegawai memerintah yang diwakilkan.
8. Pegawai memerintah bagi orang awam.
9. Pertuduhan yang boleh ditangani terus oleh pegawai memerintah.
10. Sekatan-sekatan ke atas kuasa menghukum pegawai memerintah.
11. Kuasa-kuasa pemerintah rendah.
12. Pihak berkuasa atasan yang berkenaan.
13. Pertuduhan yang boleh ditangani terus oleh pihak berkuasa atasan yang berkenaan.

JADUAL

**AKTA ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(PENGAL 149)**

**PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
(BIDANG KUASA TERUS), 2006**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 83 dan 84 dari Akta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (Bidang Kuasa Terus), 2006.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini —

"pihak berkuasa yang layak" bermakna Pemerintah atau pegawai atau pegawai-pegawai lain sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjalankan segala atau sebarang tugas yang diberikan atau dikenakan kepada pihak berkuasa yang layak di bawah Peraturan-Peraturan ini;

"detasmen" bermakna sebahagian daripada suatu unit yang dipisahkan daripada unit asalnya hingga pegawai memerintah unit asal itu tidak dapat menjalankan dengan berkesan kuasa-kuasa tatatertibnya sebagai pegawai memerintah ke atasnya;

"pemerintah rendah", kecuali jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, bermakna pegawai yang, pada masa itu, memerintah suatu skuadron, kompeni, kapal atau suatu badan yang setaraf yang menjadi sebahagian daripada suatu unit dan yang pada masa itu bertanggungjawab bagi perkara-perkara tatatertib kepada pegawai memerintah unit itu, dan termasuk mana-mana pegawai yang dilantik menjadi pemerintah rendah oleh seorang pegawai memerintah yang berpangkat tidak rendah daripada kolonel;

"unit", kecuali jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, bermakna mana-mana satu bahagian bebas dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak lebih tinggi dalam organisasi itu daripada suatu battalion atau yang setaraf dengannya atau mana-mana kumpulan terup yang setaraf.

Lantikan pegawai memerintah dan pemerintah rendah.

3. Sebarang lantikan di bawah Peraturan-Peraturan ini seorang pegawai untuk menjadi pegawai memerintah atau pemerintah rendah —

(a) boleh dibuat tertakluk kepada sekatan-sekatan, batasan-batasan, pengecualian-pengecualian atau syarat-syarat;

(b) boleh menetapkan pegawai yang dilantik itu dengan nama, dengan merujuk kepada sebarang lantikan atau jawatan yang dipegang olehnya, atau dengan merujuk kepada golongan pegawai yang dianggotai oleh pegawai yang dilantik itu, dan hendaklah, melainkan jika dinyatakan sebaliknya, meliputi mana-mana pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan pegawai yang disebutkan namanya itu, atau yang memegang, atau memangku bagi menggantikan pemegang, lantikan atau jawatan tersebut, atau yang memangku bagi menggantikan seorang anggota daripada golongan pegawai tersebut;

(c) boleh dibuat berkenaan dengan orang tertentu atau mana-mana golongan atau kumpulan orang, atau sesuatu kes tertentu atau bagi suatu golongan kes;

(d) boleh diubah atau dibatalkan, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, oleh pihak berkuasa yang membuat lantikan itu, oleh pengganti-penggantinya atau oleh mana-mana pihak berkuasa atasan yang memerintah.

Takrifan am pegawai memerintah.

4. Kecuali jika diperuntukkan dengan nyata sebaliknya dalam Peraturan-Peraturan ini, pegawai memerintah bagi seseorang yang tertakluk kepada undang-undang tentera yang dituduh melakukan suatu kesalahan adalah sama ada —

(a) pegawai yang telah dilantik oleh pihak berkuasa yang layak untuk menjadi pegawai memerintah yang dalam pada itu dapat menjalankan dengan berkesan kuasa-kuasanya yang tersebut; atau

(b) jika tiada lantikan dibuat di bawah perenggan (a), pegawai yang, pada masa itu, memerintah secara langsung unit atau detasmen di mana tertuduh berasal.

Pegawai memerintah unit atau detasmen yang diletakkan di bawah perintah pegawai memerintah lain.

5. Jika suatu unit atau detasmen diletakkan bagi maksud-maksud tatatertib di bawah perintah pegawai memerintah unit atau detasmen lain, pegawai itu adalah

pegawai memerintah bagi seseorang anggota unit atau detasmen yang diletakkan di bawah perintahnya yang dituduh melakukan kesalahan tersebut, dan pegawai memerintah unit atau detasmen yang disebut kemudian adalah pemerintah rendah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

Perwakilan kuasa oleh pegawai memerintah.

6. (1) Tertakluk kepada peraturan 11, seseorang pegawai yang menjadi pegawai memerintah dalam makna peraturan 4 atau 5 boleh mewakilkan kepada pemerintah rendah yang berpangkat kapten atau yang di bawah perintahnya dan bertanggungjawab secara langsung kepadanya bagi perkara-perkara tatatertib, kuasa untuk menyiasat dan menangani terus pertuduhan-pertuduhan yang boleh ditanganinya sendiri di bawah peraturan 9:

Dengan syarat bahawa perwakilan tersebut tidaklah termasuk —

(a) kuasa untuk menahan tertuduh untuk dibicarakan oleh mahkamah tentera; dan

(b) kuasa untuk menangguhkan prosiding lanjut atas suatu pertuduhan.

(2) Apabila seorang pegawai memerintah mewakilkan kuasa untuk menyiasat dan menangani terus pertuduhan-pertuduhan menurut peraturan kecil (1), dia boleh, di samping sekatan-sekatan yang dikenakan oleh peraturan 11, mengenakan sekatan-sekatan lanjut sebagaimana yang difikirkan wajar terhadap perjalanan kuasa itu oleh pegawai yang kepadanya kuasa itu diwakilkan.

(3) Apabila seorang pemerintah rendah menangani suatu pertuduhan terhadap seorang pegawai tak bertauliah atau seorang soldadu dan tertuduh memilih untuk dibicarakan oleh mahkamah tentera menurut cerai (6) bab 78 dari Akta tersebut, pemerintah rendah itu tidaklah boleh menangani sendiri pertuduhan itu selanjutnya, tetapi hendaklah memerintahkan supaya tertuduh dibawa di hadapan pegawai memerintah yang mewakilkan kepadanya kuasa untuk menyiasat pertuduhan itu.

Taraf pegawai memerintah yang diwakilkan.

7. Seseorang pegawai yang telah diwakilkan kepadanya oleh pegawai memerintahnya menurut peraturan kecil (1) peraturan 6 kuasa untuk menyiasat dan menangani terus pertuduhan-pertuduhan adalah, semasa menjalankan kuasa itu berkaitan dengan mana-mana orang, pegawai memerintah bagi orang itu bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pegawai memerintah bagi orang awam.

8. Pegawai memerintah bagi orang awam yang dituduh melakukan suatu kesalahan dan yang kepadanya Bahagian V Akta tersebut dikenakan menurut bab 204 dari Akta tersebut adalah pegawai, yang berpangkat tidak rendah daripada leftenan kolonel, sebagaimana yang mungkin dilantik bagi maksud itu oleh pegawai, yang berpangkat tidak rendah daripada kolonel yang memerintah unit di mana orang awam itu berada pada masa itu.

Pertuduhan yang boleh ditangani terus oleh pegawai memerintah.

9. Seorang pegawai memerintah boleh menangani terus suatu pertuduhan di bawah mana-mana bab 35, 36, 39 hingga 42, 44 hingga 49, 51, 52, 55, 58 hingga 60, 62 hingga 64, 67, 70, 71 dari Akta tersebut, dan di bawah bab 72 jika kesalahan sivil adalah satu kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini].

Sekatan-sekatan ke atas kuasa menghukum pegawai memerintah.

10. Seorang pegawai memerintah tidaklah boleh menjatuhkan —

(a) hukuman penahanan jika pertuduhan itu adalah di bawah bab 72 dari Akta tersebut jika hukuman maksimum bagi kesalahan sivil yang menjadi satu kesalahan terhadap bab itu boleh dihukum dengan suatu denda;

(b) hukuman tahanan gaji yang jumlahnya melebihi 14 hari tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa yang layak.

Kuasa-kuasa pemerintah rendah.

11. (1) Seorang pemerintah rendah yang telah diwakilkan kuasa untuk menyiasat dan menangani terus pertuduhan-pertuduhan di bawah peraturan kecil (1) peraturan 6 tidaklah boleh menjatuhkan suatu hukuman terhadap seorang pegawai tak bertauliah yang berpangkat koproperal ke atas.

(2) Tertakluk kepada sebarang sekatan yang mungkin dikenakan oleh pegawai memerintah di bawah peraturan kecil (2) atau (3) peraturan 6, seorang pemerintah rendah boleh menjatuhkan satu hukuman atau lebih yang berikut —

(a) suatu denda tidak melebihi dari jumlah gaji selama 7 hari;

(b) dalam hal seorang pegawai tak bertauliah, suatu amaran;

(c) jika kesalahan itu telah menyebabkan sebarang perbelanjaan, kerugian atau kerosakan, tahanan gaji tidak melebihi dari jumlah gaji selama 7 hari; atau

(d) hukuman ringan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

Pihak berkuasa atasan yang berkenaannya.

12. Orang-orang yang berikut boleh bertindak sebagai pihak berkuasa atasan yang berkenaannya berhubung dengan seseorang yang tertakluk kepada undang-undang tentera yang dituduh melakukan suatu kesalahan iaitu —

(a) dalam hal pegawai-pegawai yang berpangkat leftenan kolonel atau ke bawah, Pemerintah; dan

(b) dalam hal pegawai-pegawai yang berpangkat kapten dan ke bawah, mana-mana pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada kolonel yang memerintah.

Pertuduhan yang boleh ditangani terus oleh pihak berkuasa atasan yang berkenaannya.

13. Pihak berkuasa atasan yang berkenaannya boleh menangani terus suatu pertuduhan di bawah mana-mana bab 35, 36, 39 hingga 42, 44 hingga 49, 51, 52, 55, 58 hingga 60, 62 hingga 64, 67, 70, 71 dari Akta tersebut, dan di bawah bab 72 (jika kesalahan sivil adalah satu kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini).

JADUAL

(peraturan-peraturan 9 dan 13)

Dengan sengaja menyebabkan kecederaan bertentangan dengan bab 323 dari Kanun Hukuman Jenayah.

Mencuri bertentangan dengan bab 379 dari Kanun Hukuman Jenayah.

Khianat bertentangan dengan bab-bab 426 dan 427 dari Kanun Hukuman Jenayah.

Memandu sesebuah kenderaan bermotor tanpa suatu lesen memandu bertentangan dengan bab 16 dari Akta Lalulintas Jalan Raya.

Memandu dengan tiada cermat dan perhatian yang sewajarnya atau tanpa pertimbangan yang munasabah terhadap orang lain yang menggunakan jalan raya bertentangan dengan bab 29 dari Akta Lalulintas Jalan Raya.

Menggunakan telefon bimbit semasa memandu bertentangan dengan bab 29A dari Akta Lalulintas Jalan Raya.

Memiliki atau memakan dadah terkawal bertentangan dengan bab 6 dari Akta Penyalahgunaan Dadah.

Menggunakan bahan yang mengkhayalkan bertentangan dengan bab 3(2) dari Akta Bahan-Bahan Yang Mengkhayalkan.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 10 haribulan Januari, 2006.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,
Negara Brunei Darussalam.